

**NO. SOALAN: 43**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG CHEN [ KELANA JAYA ]**

**TARIKH : 21 MAC 2016**

**RUJUKAN : 8771**

**SOALAN:**

**Tuan Wong Chen [ Kelana Jaya ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sama ada Low Taek Jho mempunyai sekurang-kurangnya satu passport Amerika Syarikat. Jika ya, adakah Kementerian akan melucutkan kewarganegaraannya selaras dengan Perkara 24 Perlembagaan Persekutuan.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Berdasarkan semakan Kementerian Dalam Negeri, Low Taek Jho adalah pemegang pasport Malaysia yang masih mempunyai tempoh sah laku. Sehingga kini, Kementerian ini belum menerima sebarang aduan atau laporan berkenaan pemilikan dwi kerakyatan dan beliau juga tiada membuat sebarang permohonan pelepasan kewarganegaraan Malaysia.**

**Walau bagaimanapun, selaras dengan peruntukan di bawah Perkara 24 (2) dan 24 (3A) (a), Perlembagaan Persekutuan, Kerajaan Persekutuan boleh melucutkan mana-mana warganegara yang telah menggunakan secara sukarela hak-hak dan keistimewaan sesuatu negara yang diperuntukkan khusus kepada warganegara negara tersebut. Oleh itu, mana-mana warganegara Malaysia yang memiliki dan menggunakan pasport negara asing boleh diambil tindakan pelucutan di bawah peruntukan ini.**